



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan
Jalan Dato' Hamzah,
Karung Berkunci No. 6,
70990 Seremban,
Negeri Sembilan Darul Khusus

Tel : 06-7653100
Faks : 06-7639969
Laman Web : jpns.moe.gov.my

Ruj.Kami : JPNS.SPM.PBM. 900 – 1/15(29)
Tarikh : 16 April 2024

Pengarah

Kuala Lumpur Engineering Science Fair
Universiti Tunku Abdul Rahman
Jalan Sungai Long, Bandar Sungai Long
Cheras, 43000 Kajang
Selangor Darul Ehsan

Tuan,

MAKLUM BALAS PERMOHONAN KEBENARAN PENGANJURAN DAN PENGLIBATAN MURID BAGI MENYERTAI PROGRAM KUALA LUMPUR ENGINEERING SCIENCE FAIR (KLESF) THE FAIR and 18TH MALAYSIA FESTIVAL OF THE MIND (MfotM) 2024

Dengan segala hormatnya surat tuan, bertarikh 25 Mac 2024 serta surat dari BSKK, Kementerian Pendidikan Malaysia nombor rujukan KPM.600-12/1/6 Jld.6(81) adalah dirujuk dan berkaitan.

2. Berkaitan itu, sukacita dimaklumkan bahawa, Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan melalui Unit Pembangunan Bakat Murid (UPBM) mengucapkan tahniah kepada pihak penganjur atas inisiatif menganjurkan program tersebut dan telah memberi peluang kepada murid meningkatkan potensi diri serta mempelbagaikan kegiatan kokurikulum melalui **Penganjuran dan Penglibatan Murid bagi Menyertai Program Kuala Lumpur Engineering Science Fair (KLESF) The Fair and 18th Malaysia Festival of the Mind (MFotM) 2024** pada 8 hingga 10 November 2024. Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan **tiada halangan** bagi penyertaan murid bagi menyertai latihan tersebut.

3. Berkaitan itu, Jabatan ini ingin menarik perhatian tuan bahawa setiap penyertaan guru dan murid dalam sebarang program perlu mematuhi syarat-syarat berikut :

- 3.1. Mendapat kebenaran daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, jabatan pendidikan negeri dan pengetua / guru besar sekolah sekolah yang terlibat;
- 3.2. **Surat kebenaran/kelulusan ini tidak boleh diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;**

- 3.3 Penyertaan murid hendaklah tidak mengganggu atas menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) mereka;
- 3.4 Penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan murid yang terlibat dengan program ini;
- 3.5 Murid, warga sekolah mahupun pihak sekolah sendiri **tidak boleh dipaksa atau diwajibkan** terlibat dengan program ini;
- 3.6 Penyertaan murid hendaklah mendapat **kebenaran bertulis** daripada ibu bapa atau penjaga;
- 3.7 **Tiada implikasi kewangan kepada KPM, JPN, Pejabat Pendidikan Daerah, sekolah, pegawai, guru dan murid yang terlibat;**
- 3.8 **Pihak penganjur perlu mengemukakan permohonan untuk membuat liputan dan rakaman media program dengan mengemukakan permohonan beserta dokumen lengkap kepada Unit Komunikasi Korperat, KPM selepas mendapatkan maklum balas/surat sokongan permohonan penganjuran program ini;**
- 3.9 **Pihak penganjur hendaklah memastikan pihak sekolah telah memaklumkan kepada ibu bapa atau penjaga berhubung aktiviti liputan dan rakaman media sepanjang Penganjuran Dan Penglibatan Murid Bagi Menyertai melalui Penganjuran dan Penglibatan Murid bagi Menyertai Program Kuala Lumpur Engineering Science Fair (KLESF) The Fair and 18th Malaysia Festival of the Mind (MFotM) 2024 diadakan serta mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa / penjaga;**
- 3.10 **Pihak penganjur bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum;**
- 3.11 **Surat kebenaran / kelulusan ini bukan sebagai pengesahan program dianjurkan secara kerjasama bersama JPN. Sijil penyertaan program yang ditandatangani pengurusan tertinggi JPN tidak dibenarkan kecuali program kerjasama dengan pihak JPN secara langsung;**
- 3.12 **Penggunaan logo JPN tanpa kelulusan adalah tidak dibenarkan. Pihak penganjur perlu mengemukakan permohonan penggunaan logo JPN beserta dokumen lengkap kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan selepas mendapatkan maklum balas / surat sokongan permohonan penganjuran program ini;**

- 2.13. Pihak penganjur dipohon agar mengemukakan **satu salinan laporan program dalam tempoh 14 hari** selepas pelaksanaan program tersebut;
- 3.14. Sekiranya laporan program diterbitkan atau disiarkan dalam mana mana platform media, bahan tersebut perlu mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada pihak kementerian; dan
- 3.15. **JPN berhak menarik balik surat kelulusan / kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa serta tidak mematuhi garis panduan yang dikeluarkan JPN / KPM**
4. Maklum balas sokongan program ini hanya untuk **Kuala Lumpur Engineering Science Fair** bagi Penganjuran dan Penglibatan Murid bagi Menyertai Program Kuala Lumpur Engineering Science Fair (KLESF) The Fair and 18th Malaysia Festival of the Mind (MFotM) 2024 yang akan dijalankan pada 8 hingga 10 November 2024 sahaja. Sebarang kebenaran program baharu hendaklah dikemukakan kepada pihak Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan.
5. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi **Pn. Aqilah Nadhirah binti Mazhanash, Penolong Pengarah, Unit Pembangunan Bakat Murid, JPNS** melalui talian **010 4092289** atau email **nadhirah.mazhanash@moe.gov.my** .

Sokongan dan kerjasama tuan dalam memartabat dan menjayakan aktiviti kokurikulum amatlah kami hargai dan disanjung tinggi.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(SHAMSUDIN BIN REDZA)

Timbalan Pengarah Pendidikan
Sektor Pembangunan Murid
b.p Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan

LAMPIRAN A

LAPORAN
(NAMA AKTIVITI / PROGRAM)

- 1.0 Nama Program/Aktiviti :
- 2.0 Tarikh Pelaksanaan:
- 3.0 Mod Pelaksanaan :
- 4.0 Penyertaan (jantina/bangsa) :

BIL	KOD SEKOLAH	SEKOLAH	DAERAH/ NEGERI/ NEGARA	JANTINA		BANGSA				JUMLAH	
				L	P	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	MURID	GURU
1											
2											
3											
4											
5											
6											
JUMLAH											

- 5.0 Jadual Pengisian / Pelaksanaan Aktiviti :
- 6.0 Peruntukan / Perbelanjaan yang Diturunkan : (**** Jika berkaitan*)
- 7.0 Tetamu Kehormat (VIP) : (**** Jika berkaitan*)
- 8.0 Pemenang : (**** Jika berkaitan*)

KATEGORI PERTANDINGAN				
Kedudukan	Nama Murid	Id Murid	Sekolah	JPN
Pertama				
Kedua				
Ketiga				
Keempat				
Kelima				

- 9.0 Isu dan cabaran;
- 10.0 Elemen Human Governance yang dilaksanakan:
- 11.0 Cadangan penambahbaikan:
- 12.0 Gambar :

Disediakan Oleh :

Tarikh :

CONTOH SURAT SETUJU TERIMA

Rujukan Tuan :
Rujukan Kami :
Tarikh :

Pengarah,
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan
(u.p : Unit Pembangunan Bakat Murid)

Tuan,

**SURAT SETUJU TERIMA KEBENARAN PENGANJURAN PROGRAM DAN
PENGLIBATAN MURID DALAM (NAMA PROGRAM)**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan surat Unit Pembangunan Bakat Murid, JPNS bernombor rujukan :xxx bertarikh adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa pihak (nama agensi penganjur) **mengesahkan persetujuan** untuk melaksanakan/menaja program yang dimohon berdasarkan terma dan syarat pelaksanaan/tajaan program/aktiviti kokurikulum seperti yang dinyatakan pada para 3.1 hingga 3.18 dalam surat Maklum Balas Penganjuran Program dan Penglibatan Murid dalam (nama program) mulai xxx hingga xxx.
3. Pihak (nama agensi penganjur) akan mengemukakan **satu salinan laporan program** yang dijalankan kepada UPBM, JPNS **tidak lebih dari 30 hari selepas tamat program** bagi tujuan pengiktirafan program.
4. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi (nama pegawai) di talian (nombor telefon bimbit) atau (e-mel).

Perhatian dan kerjasama pihak tuan dalam perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Saya yang benar,

.....
(Nama)
Jawatan